



PESERTA: Seramai 38 peserta menyertai Program Road To Success.

38 sertai Program Road to Success

UB 27.02.2015

KOTA KINABALU: Sera-mai 38 peserta menyertai Program Road to Success: My Story anjuran Ke-lab Pusat Sumber dengan kerjasama Kelab Program Pembangunan Belia dan Komuniti (HA16), Fakulti Psikologi dan Pendidikan pada 18 Februari lepas.

Program perkongsian pengalaman daripada Mohammad Fauzi Acho, penerima Anugerah Belia Perdana Negeri Sabah 2019 diadakan di Bilik Seminar 4, Fakulti Psikologi dan Pendidikan.

Program ini dijalankan dengan tujuan meningkatkan motivasi para pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarela-wan di samping menimba ilmu semasa di universiti.

Mohammad Fauzi menggesa para pelajar untuk menggunakan masa dengan sebaiknya semasa di univer-siti dengan mendekatkan



CENDERAMATA: Sesi penyampaian cenderamata kepada Mohammad Fauzi.

diri dengan komuniti menerusi penganjuran program dan penglibatan dalam aktiviti kesukarela-wan.

Beliau mengakui bahawa dalam merancang dan mengendalikan program tempatan mahupun antara-

bangsa, sememangnya terdapat kekangan seperti dari segi kos perbelanjaan dan masa. Namun semua ini dapat diatasi menerusi perancangan dan penguru-san yang bersistematis.

Ini bertepatan dengan moto beliau 'Nothing

comes easy in life. It is all about hard work with no shortcuts to get what you want'.

Turut hadir adalah Presiden Kelab Pusat Sumber Syed Ainuddin Azmi Syed Ayub dan presiden Kelab Pembangunan Belia dan Komuniti, Antonio Anthony dan penyelaras Kelab Pusat Sumber, FPP Dr. Getrude Cosmas dan dua ahli Parlimen Belia Ma-laysia (Sabah) Mohd Zulain Abd Samad dan Nur Elya Syaqiren Ediris.

Program itu diharap menerusi program perkongsian pengalaman ini akan dapat menyuntik semangat para pelajar untuk terus menggiatkan diri dalam aktiviti komuniti dan bijak dalam mencari peluang untuk melibatkan diri dengan program belia yang dianjurkan oleh organisasi luar seperti Kementerian Belia dan Sukan.